



PEJABAT DAERAH DAN TANAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG
KEDAH DARUL AMAN
Tel: 04-7029177

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat BUMIPUTERA yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar kontraktor dengan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (iDaftar) dan masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini adalah dipelawa untuk perkhidmatan berikut:-

BIL/TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	PENDAFTARAN/ TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH BANDAR BAHARU BAGI TEMPOH 01 JANUARI 2026 HINGGA 31 DISEMBER 2027	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 220801 dan berdaftar sebagai syarikat Bumiputera	Tarikh: 10 November 2025 (Isnin) Masa: 9.00 pagi Tempat: Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu	Tarikh Buka 10 November 2025 (Isnin) Tarikh Tutup 16 November 2025 (Ahad) 12.00 tengah hari Harga Dokumen RM10.00 senaskah. Bayaran ini tidak akan dikembalikan

1. Syarikat yang berminat, **hendaklah membuat PERAKUAN menyertai Sebut harga di Sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian** mengikut No. Sebut harga iaitu **PDTBB/SH/K/01/2025** bagi jumlah RM10.00 sebelum dokumen softcopy Sebut harga dikemukakan kepada syarikat. Urusan penjualan dokumen Sebut harga dibuka **sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi** bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

2. Syarikat dikehendaki menyemak **No. Siri Kawalan Dokumen** yang diberikan melalui Sistem iDAFTAR dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Sebut harga pada ruangan kotak yang disediakan. Kegagalan ini boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
3. Penama syarikat **wajib** menghadiri lawatan tapak dengan membuat pengesahan kehadiran melalui Sistem iDaftar sebelum **09 November 2025 (Ahad)**. Sila bawa bersama sijil yang berkaitan semasa lawatan tapak. Hanya pemilik lesen/ nama yang berdaftar dalam lesen sahaja yang dibenarkan hadir untuk lawatan tapak. Kegagalan untuk mematuhi arahan akan menyebabkan kontraktor tidak layak untuk menyertai sesi lawatan tapak.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dicatat No. Sebut harga **PDTBB/SH/K/01/2025** serta tajuk sebut harga pada sebelah kiri sampul dengan terang dan jelas dan **dimasukkan terus ke dalam peti tawaran Sebut harga** yang disediakan di **Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman** dan dialamatkan kepada **Pegawai Daerah Bandar Baharu, Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu, 09800 Serdang Kedah Darul Aman**.
5. **Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier** untuk penghantaran sebut harga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebut harga yang disediakan oleh jabatan dengan agen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. Dokumen yang diterima setelah tarikh tutup tidak akan diterima. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**
6. PIHAK KERAJAAN tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah sekali dari mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA- NIKMAT UNTUK SEMUA”
“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD NOOR BIN ISMAIL, AMK., BCK.)
Pegawai Daerah Bandar Baharu
Kedah Darul Aman

Experience
KEDAH

Tarikh pamer iklan: **04 NOV 2025**